

# BAB 1

## PENGENALAN

SENARIO EKONOMI GLOBAL

SENARIO EKONOMI MALAYSIA

PRESTASI EKONOMI NEGERI 2022

**RENCANA 1 :**  
*ASSESSING THE RELATIONSHIP  
BETWEEN MALAYSIA'S  
ECONOMIC GROWTH,  
TOURISM INDUSTRY AND  
EXCHANGE RATE*





**K**etidakstabilan ekonomi global boleh dilihat melalui prestasi ekonomi dunia yang bertumbuh lebih perlahan pada tahun 2022, iaitu 3.5 peratus berbanding 6.3 peratus pada tahun 2021 (*World Economy Outlook (WEO)*, Julai 2023).

Antara faktor utama berlakunya ketidaktentuan ekonomi global adalah ketegangan geopolitik antarabangsa disebabkan pergolakan di antara Rusia dan Ukraine yang masih berterusan sehingga kini, kadar inflasi yang semakin meningkat dan langkah mengetatkan dasar monetari yang agresif di beberapa negara. Krisis

Rusia-Ukraine telah menjejaskan ekonomi yang sedang memulih dari pandemik, mencetuskan krisis kemanusiaan di **Eropah**, menyebabkan kenaikan harga barang makanan, tenaga dan komoditi, seterusnya memburukkan lagi tekanan inflasi global. Selepas menghadapi fasa pemulihan dari COVID-19, ekonomi global

mengalami tekanan inflasi dengan permintaan barang yang pulih dengan cepat manakala penawaran barang mengalami gangguan rantaian bekalan. Ini dapat diperhatikan melalui kadar inflasi global yang meningkat hampir dua kali ganda iaitu daripada 4.7 peratus pada tahun 2021 kepada 8.7 peratus pada tahun 2022 (WEO, Julai 2023). Kenaikan inflasi ini merupakan yang tertinggi dicatat semenjak tahun 1996. Ia menyebabkan prestasi ekonomi yang meruncing, terutama kepada negara yang berpendapatan rendah. Bank pusat di beberapa negara terpaksa menaikkan kadar faedah secara berterusan

# SENARIO EKONOMI GLOBAL

**KDNK Negara Maju\***  
**2.7%**  
(2021: 5.4%)

**Inflasi Global**  
**8.7%**  
(2021: 4.7%)

“ **3.5% KDNK dunia, bertumbuh lebih perlahan 2022** ”

**KDNK Kawasan Euro**  
**3.5%**  
(2021: 5.3%)

**KDNK Amerika Syarikat**  
**2.1%**  
(2021: 5.9%)



bertujuan mengawal inflasi daripada memberi kesan yang lebih teruk. Selain itu, penularan semula kes COVID-19 berikutan kemunculan varian baharu, Omicron pada penghujung tahun 2022 turut menjejaskan aktiviti perkhidmatan yang baru menunjukkan tanda pemulihan. Senario ini telah menjejaskan pemulihan ekonomi serta melemahkan prospek pertumbuhan di hampir kebanyakan negara, termasuk negara maju.

\*Negara Maju meliputi Amerika Syarikat, Kawasan Euro, Jepun, United Kingdom dan negara maju yang lain.

## Amerika Syarikat

Berdasarkan laporan *World Economy Outlook* (WEO), Julai 2023, ekonomi Amerika Syarikat bertumbuh sederhana pada kadar 2.1 peratus berbanding tahun sebelumnya (5.9%). Prestasi ini dipengaruhi oleh Perbelanjaan penggunaan peribadi yang menyederhana 2.7 peratus berbanding 8.3 peratus pada 2021 dipengaruhi oleh penyusutan Perbelanjaan barangan sebanyak negatif 0.5 peratus (2021: 12.2%) dan Perbelanjaan perkhidmatan yang menyederhana 4.5 peratus (2021: 6.3%). Sementara itu, Pelaburan tetap merosot 0.2 peratus disebabkan oleh penyusutan Pelaburan kediaman sebanyak negatif 10.6 peratus. Pada tempoh sama, komponen Perbelanjaan penggunaan kerajaan dan pelaburan kasar turut menyusut 0.6 peratus disebabkan perbelanjaan oleh Kerajaan

Persekutuan yang merosot 2.5 peratus. Dari segi prestasi sektoral, sektor Pertanian, Perlombongan, Utiliti dan Pembinaan masih merosot berbanding tahun sebelumnya. Sektor Pembuatan sebaliknya bertumbuh marginal 0.2 peratus. Manakala bagi sektor Perkhidmatan, hampir semua subsektor menunjukkan pertumbuhan perlahan berbanding 2021 kecuali Perdagangan runcit yang menyusut 3.8 peratus berbanding pertumbuhan positif 2.6 peratus pada 2021 (*Bureau of Economic Analysis (BEA), 2023*).

Amerika Syarikat yang merupakan pengeksport kedua terbesar di dunia selepas China menunjukkan prestasi perdagangan eksport yang terus kukuh, meningkat 7.1 peratus pada 2022 berbanding 6.1 peratus pada 2021. Kenaikan eksport ini disokong oleh eksport barangan dan eksport perkhidmatan

**Jadual 1.1** Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih (%), 2013-2022

| Negara           | 2013       | 2014       | 2015       | 2016       | 2017       | 2018       | 2019       | 2020        | 2021       | 2022       |
|------------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|------------|-------------|------------|------------|
| Ekonomi Dunia    | 3.4        | 3.5        | 3.4        | 3.3        | 3.8        | 3.6        | 2.8        | -2.8        | 6.3        | 3.5        |
| Negara Maju      | 1.4        | 2.0        | 2.3        | 1.8        | 2.5        | 2.3        | 1.7        | -4.2        | 5.4        | 2.7        |
| Amerika Syarikat | 1.8        | 2.3        | 2.7        | 1.7        | 2.2        | 2.9        | 2.3        | -2.8        | 5.9        | 2.1        |
| Kawasan Euro     | -0.2       | 1.4        | 2.0        | 1.9        | 2.6        | 1.8        | 1.6        | -6.1        | 5.3        | 3.5        |
| Jerman           | 0.4        | 2.2        | 1.5        | 2.2        | 2.7        | 1.0        | 1.1        | -3.7        | 2.6        | 1.8        |
| Perancis         | 0.6        | 1.0        | 1.1        | 1.0        | 2.4        | 1.8        | 1.9        | -7.9        | 6.4        | 2.5        |
| Jepun            | 2.2        | -0.9       | 1.6        | 0.8        | 1.7        | 0.6        | -0.4       | -4.3        | 2.2        | 1.0        |
| United Kingdom   | 1.8        | 3.2        | 2.4        | 2.2        | 2.4        | 1.7        | 1.6        | -11.0       | 7.6        | 4.1        |
| Negara EMDE*     | 5.0        | 4.7        | 4.4        | 4.4        | 4.7        | 4.7        | 3.6        | -1.8        | 6.8        | 4.0        |
| China            | 7.8        | 7.4        | 7.0        | 6.9        | 6.9        | 6.8        | 6.0        | 2.2         | 8.4        | 3.0        |
| Republik Korea   | 2.9        | 3.3        | 2.8        | 2.9        | 3.2        | 2.9        | 2.2        | -0.7        | 4.3        | 2.6        |
| Singapura**      | 4.8        | 3.9        | 3.0        | 3.6        | 4.5        | 3.6        | 1.3        | -3.9        | 8.9        | 3.6        |
| Thailand         | 2.7        | 1.0        | 3.1        | 3.4        | 4.2        | 4.2        | 2.1        | -6.2        | 1.5        | 2.6        |
| Filipina         | 6.8        | 6.3        | 6.3        | 7.1        | 6.9        | 6.3        | 6.1        | -9.5        | 5.7        | 7.6        |
| Indonesia        | 5.6        | 5.0        | 4.9        | 5.0        | 5.1        | 5.2        | 5.0        | -2.1        | 3.7        | 5.3        |
| Taiwan**         | 2.5        | 4.7        | 1.5        | 2.2        | 3.3        | 2.8        | 3.1        | 3.4         | 6.5        | 2.5        |
| <b>Malaysia</b>  | <b>4.7</b> | <b>6.0</b> | <b>5.0</b> | <b>4.4</b> | <b>5.8</b> | <b>4.8</b> | <b>4.4</b> | <b>-5.5</b> | <b>3.3</b> | <b>8.7</b> |

Sumber: IMF, *World Economic Outlook*, Julai 2023 dan *National Statistics Office (NSO)*

\*Emerging Markets Developing Economies

\*\*IMF, *World Economic Outlook*, April 2023



yang masing-masing berkembang 6.3 peratus dan 8.7 peratus. Antara komoditi utama eksport perkhidmatan adalah caj penggunaan harta intelek, perkhidmatan telekomunikasi, komputer & maklumat dan perkhidmatan perniagaan lain. Sementara itu, import berkembang 8.1 peratus (2021: 14.1%), dipacu oleh pengembangan dalam kedua-dua segmen, import barangan (6.9%) dan import perkhidmatan (14.2%). Import barangan didorong oleh barangan modal bukan automotif manakala import perkhidmatan dipengaruhi kenaikan import perjalanan (*travel*) seiring dengan kelonggaran dalam sekatan perjalanan.

Menurut laporan *U.S. Bureau of Labor Statistics* (BLS) 2023, peluang pekerjaan di Amerika Syarikat telah meningkat sebanyak 11.0 juta pada 2022 dan ini telah memberi impak kepada kadar pengangguran di Amerika Syarikat yang sedikit perlahan kepada 3.6 peratus berbanding tahun sebelumnya (2021: 5.3%). Perkhidmatan penginapan & makanan, Perdagangan runcit dan Pembinaan merupakan sektor utama yang menyumbang peluang pekerjaan kepada rakyat. Ini turut disokong dengan peningkatan tenaga buruh seramai 164,966 orang pada bulan Disember 2022. Meskipun begitu, seramai 3.9 juta rakyat Amerika Syarikat masih bekerja sambil kerana jam bekerja mereka dikurangkan atau mereka tidak mendapat kerja sepenuh masa.

### Kawasan Euro

Seperti yang dilaporkan oleh *International Monetary Fund* (IMF) dalam laporan *World Economic Outlook* (WEO, Julai 2023), penggerak ekonomi ketiga terbesar selepas Amerika Syarikat dan China iaitu Kawasan Euro mencatatkan KDNK 3.5 peratus pada 2022 berbanding tahun sebelumnya (5.3%). Negara-negara utama seperti Greece, Itali dan Sepanyol mencatatkan pertumbuhan masing-masing 5.9 peratus (2021: 8.4%), 3.7 peratus



**Kesatuan Eropah menyumbang 14.0% daripada jumlah dagangan dunia pada tahun 2022**

(2021: 7.0%) dan 5.5 peratus (2021: 5.5%). Pemulihan ekonomi negara-negara Euro ini antaranya digerakkan oleh pemulihan dalam perkhidmatan pelancongan semenjak pembukaan penuh industri pelancongan pada 2021 dan peningkatan dalam pengeluaran perindustrian di Itali dan Sepanyol.

Bagi aktiviti perdagangan, Kesatuan Eropah menyumbang 14.0 peratus daripada jumlah dagangan dunia pada 2022. Perdagangan rantau ini terjejas teruk pada tahun 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19, dengan kejatuhan ketara kedua-dua eksport (-9.3%) dan import (-11.5%). Walau bagaimanapun, kedua-duanya pulih dengan kukuh pada 2021 dan 2022, dengan eksport barangan bertumbuh 12.8 peratus pada 2021 dan 17.9 peratus pada 2022 manakala import barangan meningkat masing-masing 23.8 peratus dan 41.3 peratus. Ini menyebabkan Kesatuan Eropah mencatatkan defisit nilai dagangan sebanyak €431.2 bilion, mencecah paras terendah sejak permulaan siri masa pada 2002. Defisit ini disebabkan antaranya oleh peningkatan mendadak nilai import tenaga bermula akhir 2021 dan berterusan sepanjang tahun 2022. Tujuh (7) destinasi utama eksport Kesatuan Eropah adalah Amerika Syarikat, United Kingdom, China, Switzerland, Turkiye, Jepun dan Norway

yang menyumbang hampir 58.0 peratus kepada jumlah eksport rantau ini. Manakala bagi import, China merupakan rakan dagang utama dengan sumbangan 20.8 peratus, diikuti Amerika Syarikat (11.9%) dan United Kingdom (7.3%).

Di sebalik persekitaran ekonomi yang mencabar, pasaran buruh masih menunjukkan prestasi yang baik. Kadar penduduk bekerja, iaitu yang berumur antara 20 hingga 64 tahun berjumlah 193.5 juta orang, meliputi 74.6 peratus daripada kohort umur berkenaan, meningkat berbanding 72.5 peratus pada tahun sebelumnya. Dari segi jantina, lelaki mencatatkan kadar bekerja yang lebih tinggi, iaitu 80.0 peratus berbanding perempuan, 69.3 peratus. Pada tempoh yang sama, kadar pengangguran juga semakin baik dengan menunjukkan pengurangan daripada 7.7 peratus pada 2021 kepada 6.8 peratus pada 2022. Kadar pengangguran bagi lelaki adalah 6.4 peratus, lebih rendah berbanding perempuan, 7.2 peratus.

## China

China yang merupakan salah satu peneraju utama ekonomi dunia mencatatkan pertumbuhan ekonomi 3.0 peratus pada 2022 berbanding 8.4 peratus pada 2021 (WEO, Julai 2023). Pertumbuhan sederhana ini direkodkan terutama pada suku kedua tahun 2022 dengan pertumbuhan marginal sebanyak 0.4 peratus (*National Bureau of Statistics (NBSC), China, 2023*). Ini disumbangkan terutamanya disebabkan penutupan (*lockdown*) bandaraya Shanghai yang merupakan bandar terbesar dan pusat utama ekonomi di China selama dua bulan, bermula April sehingga Jun, 2022. Selain itu, penutupan bandaraya Shenzhen (walaupun lebih pendek berbanding Shanghai) dan langkah pengekanan penularan COVID-19 di beberapa tempat, termasuk Beijing turut memperlambatkan aktiviti ekonomi, seterusnya

mempengaruhi prestasi ekonomi China yang rendah ini. Bagi prestasi sektoral, sektor Pertanian (meliputi Tanaman, Perhutanan, Ternakan & Perikanan) dan Pembuatan berkembang lebih perlahan masing-masing 4.3 peratus (2021: 7.1%) dan 2.9 peratus (2021: 9.8%). Sebaliknya, sektor Pembinaan meningkat lebih tinggi, 5.5 peratus berbanding 2.1 peratus pada 2021. Bagi sektor Perkhidmatan, subsektor Perdagangan borong dan runcit yang merupakan penyumbang utama sektor ini merekodkan pertumbuhan perlahan 0.9 peratus (2021: 11.3%). Manakala, subsektor Pengangkutan, penyimpanan & pos menyusut 0.8 peratus diikuti Penginapan & restoran dan Hartanah masing-masing menguncup 2.3 peratus dan 5.1 peratus.

Pada tahun 2022, China kekal sebagai pedagang terbesar di dunia dengan rakan dagang utamanya ASEAN, Kesatuan Euro dan Amerika Syarikat. Menurut laporan *General Administration of Customs of People's Republic of China (GACC)*, volum barang dagangan yang diniagakan menyederhana 9.4 peratus pada 2022 (2021: 21.4%). Aktiviti eksport bernilai USD3.59 trilion, meningkat 7.0 peratus (2021: 29.9%) disokong mata wang China yang lemah dan kenaikan harga barangan yang membantu meningkatkan nilai eksport negara ini. Pada tempoh yang sama, import bernilai USD2.7 trilion, bertumbuh 1.1 peratus berbanding 30.1 peratus pada 2021. Kenaikan eksport yang lebih tinggi ini menyebabkan lebihan dagangan sebanyak USD877.6 bilion, berkembang 29.7 peratus, tertinggi pernah direkodkan sejak 1950.





Beralih kepada tenaga buruh China, menurut NBSC 2023, kadar pengangguran mulai menurun pada Disember 2022 kepada 5.5 peratus berbanding bulan sebelumnya (5.7%) memandangkan sekatan pergerakan mula dilonggarkan di China bermula Disember 2022. Seiring dengan kadar pengangguran yang semakin rendah dan tenaga buruh yang kian meningkat, peluang pekerjaan juga berkurang kepada 3.6 peratus pada 2022 berbanding 5.3 peratus pada 2021. Walau bagaimanapun, jumlah tenaga kerja yang berumur 16 tahun dan ke atas berkurang daripada 746.5 juta pada 2021 kepada 733.5 juta orang pada 2022.

Berdasarkan *World Health Organization* (WHO) 2022, pada Disember 2022, China mengalami lonjakan kes COVID-19 sebanyak 24.6 juta kes berbanding bulan sebelumnya (146.1 ribu kes). Ini menyumbang kepada peningkatan bilangan kematian sehingga 14.9 ribu orang berbanding 359 orang pada tempoh yang sama. Tahun 2022 juga menyaksikan populasi rakyat di negara ini merudum buat pertama kalinya sejak tahun 1961 kepada 1.411 bilion orang pada penghujung tahun 2022 (2021: 1.412 bilion) (NBSC, 2023).

## Jepun

Berdasarkan laporan *World Economy Outlook* (WEO), Julai 2023, ekonomi Jepun meningkat 1.0 peratus pada 2022, lebih perlahan berbanding 2.2 peratus pada 2021. Ia disokong oleh Permintaan swasta (*Private demand*) yang berkembang 2.3 peratus, dengan pertumbuhan Perbelanjaan penggunaan isi rumah sebanyak 2.1 peratus dan Pelaburan modal swasta 1.8 peratus. Sebaliknya, Permintaan kerajaan (*Public demand*) merosot 0.3 peratus disebabkan kejatuhan Pelaburan awam 7.0 peratus. Pada tempoh sama, eksport barangan dan perkhidmatan meningkat 5.1 peratus, manakala import dalam kategori yang sama

berkembang lebih tinggi iaitu 8.0 peratus disebabkan peningkatan kos tenaga dan mata wang Yen yang lemah. Ini menyebabkan pertumbuhan eksport bersih menyusut pada tahun 2022 berbanding positif pada tahun 2021 (*Economic and Social Research Institute (ESRI) Cabinet Office, Government of Japan, 2023*).

Eksport barangan terus mengukuh 18.2 peratus dengan nilai 98.2 trilion Yen berbanding 21.5 peratus (83.1 trilion Yen) pada tahun sebelumnya. Prestasi ini dipacu oleh pertumbuhan eksport pengangkutan (17.7%), mesin (15.5%) dan mesin elektrik (13.3%). Antara rakan eksport utama Jepun adalah China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah dan negara ASEAN. Pada tempoh sama, aktiviti import berkembang lebih tinggi mengatasi eksport iaitu 39.2 peratus dengan nilai 118.2 trilion Yen. Ia disokong oleh pertumbuhan import yang tinggi bagi bahan api mineral (96.8%), kimia (35.8%) dan mesin elektrik (26.5%). Ini menyebabkan defisit dagangan Jepun pada 2022 adalah sebanyak 19.98 trilion Yen, tertinggi pernah direkodkan selepas tahun 2014 (12.8 trilion Yen) (*Trade Statistics of Japan, Ministry of Finance, 2023*).

Sementara itu, pasaran buruh mula menunjukkan pemulihan dengan kadar tenaga buruh meningkat 62.5 peratus pada 2022 berbanding 62.1 peratus pada tahun sebelumnya (*Statistics Bureau of Japan, 2023*). Peratusan penduduk bekerja juga meningkat kepada 60.9 peratus berbanding 60.4 peratus pada 2021 yang mana kadar penduduk lelaki dan perempuan bekerja adalah masing-masing 69.4 peratus dan 53.0 peratus. Di samping itu, kadar pengangguran juga semakin rendah, 2.6 peratus berbanding 2021 (2.8%). Disember 2022 juga mencatatkan pertumbuhan gaji dibayar yang tertinggi iaitu pada kadar 4.8 peratus, yang merupakan pertumbuhan kedua tertinggi selepas tahun 1997. Pertumbuhan gaji tertinggi dicatatkan



oleh sektor Pengangkutan & aktiviti pengeposan (16.7%), diikuti Perkhidmatan peribadi & hiburan (11.8%), Hartanah & pajakan (8.1%), Pendidikan, pembelajaran & sokongan (6.7%) dan Pembinaan (6.0%).

## Republik Korea

Menurut laporan *World Economy Outlook* (WEO), Julai 2023, pertumbuhan ekonomi Republik Korea pada 2022 turut berkembang perlahan pada kadar 2.6 peratus selepas meningkat 4.3 peratus pada 2021. Pertumbuhan ini dipengaruhi oleh sektor Perkhidmatan yang mana sektor ini meningkat 4.2 peratus berbanding pertumbuhan 3.8 peratus pada tahun sebelumnya. Bagi sektor Pembuatan, ia berkembang 1.4 peratus berbanding 2021 (6.9%) manakala sektor Pembinaan pula meningkat 0.3 peratus berbanding pertumbuhan negatif (-2.6%) pada tahun sebelumnya. Dari sudut Perbelanjaan pula, pertumbuhan dipengaruhi Perbelanjaan pengguna akhir yang mengukuh 4.3 peratus, disokong kedua-dua kumpulan Perbelanjaan iaitu Kerajaan (4.1%) dan Swasta (4.3%) (*Bank of Korea, 2023*).

Republik Korea yang merupakan antara enam (6) negara dengan jumlah dagangan tertinggi di dunia merekodkan jumlah dagangan sebanyak USD1.4 trilion pada 2022 dengan peningkatan 12.4 peratus berbanding 2021. Nilai eksport bernilai USD684.0 bilion, berkembang 6.1 peratus dipacu oleh peningkatan eksport semikonduktor, besi dan kenderaan bermotor masing-masing 1.0 peratus, 65.3 peratus dan 16.4 peratus. Bagi prestasi eksport dengan lima (5) rakan dagang utama, eksport ke negara ASEAN, Amerika Syarikat, Kawasan Euro dan Jepun meningkat masing-masing 14.8 peratus, 14.5 peratus, 7.1 peratus dan 1.9 peratus. Sebaliknya, eksport ke China yang merupakan rakan dagang eksport terbesar menyusut 4.4 peratus (*South Korea Ministry of Trade, Industry and Energy*

(MOTIE), 2023). Sementara itu, nilai import bernilai USD731.2 bilion, bertumbuh 18.9 peratus berbanding tahun sebelumnya (MOTIE), 2023).

Dari segi pasaran buruh pula, kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 63.3 peratus, iaitu 72.6 peratus bagi lelaki dan 54.2 peratus bagi perempuan. Bilangan tenaga buruh yang bekerja turut meningkat pada Disember 2022 iaitu seramai 27.8 juta orang dengan kadar penduduk bekerja adalah 61.3 peratus berbanding tempoh sama pada 2021 iaitu seramai 27.3 juta orang (60.4%). Sektor pekerjaan yang merekodkan bilangan pekerja tertinggi adalah sektor Perniagaan, Persendirian, Perkhidmatan awam & lain-lain (10.9 juta orang), Perdagangan borong & runcit, Penginapan & makanan (5.6 juta orang), diikuti Perlombongan & pembuatan (4.5 juta orang). Sementara itu, kadar pengangguran berkurang kepada 3.0 peratus pada Disember 2022 berbanding 3.5 peratus pada tempoh yang sama tahun sebelumnya (*Statistics Korea (KOSTAT), 2023*).

## Taiwan

Taiwan telah merekodkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 2.5 peratus pada 2022, menyederhana berbanding 6.5 peratus pada 2021 (WEO, April 2023). Ini dipengaruhi oleh pertumbuhan perlahan bermula suku tahun pertama hingga suku tahun ketiga 2022, diikuti penyusutan marginal, negatif 0.4 peratus pada suku terakhir tahun 2022. Bagi prestasi mengikut sektor, sektor Perkhidmatan berkembang 2.4 peratus berbanding 2021, disokong oleh subsektor Informasi & komunikasi (7.4%), Pengangkutan (5.4%) dan Perdagangan borong & runcit (0.8%). Sektor Pembuatan dan Pembinaan juga meningkat perlahan berbanding 2021, masing-masing 2.0 peratus (2021: 14.6%) dan 1.5 peratus (2021: 6.5%). Sektor Pertanian pula walaupun masih menyusut, namun ia memulih kepada



negatif 1.9 peratus berbanding negatif 4.3 peratus pada tahun sebelumnya. Dari sudut Perbelanjaan, pertumbuhan ekonomi Taiwan disokong oleh Perbelanjaan pengguna akhir yang meningkat 3.6 peratus (2021: -0.4%) serta Perbelanjaan akhir kerajaan yang bertumbuh 3.4 peratus (*National Statistics Republic of China (Taiwan)*, NSRC, 2023).

Eksport barangan bagi tahun 2022 bernilai USD479.4 bilion, meliputi 1.9 peratus daripada jumlah eksport dunia, mengukuh sebanyak 7.4 peratus berbanding tahun 2021 (29.3%). Pertumbuhan ini dipacu oleh eksport komponen elektronik, menyumbang 41.7 peratus kepada nilai eksport Taiwan, yang berkembang 16.4 peratus. Sementara itu, import barangan juga meningkat 12.1 peratus kepada USD428.0 bilion disokong oleh peningkatan import komponen elektronik, 7.8 peratus dan produk mineral, 46.9 peratus (NSRC, 2023). Bagi prestasi dagangan Taiwan dengan rakan negara dagangan utama, eksport ke negara ASEAN, Jepun, Amerika Syarikat dan Eropah meningkat masing-masing 14.8 peratus, 15.1 peratus, 14.3 peratus dan 6.8 peratus berbanding 2021. Sebaliknya, eksport ke China dan Hong Kong menyusut 1.6 peratus. Bagi import, terdapat peningkatan import daripada China dan Hong Kong, ASEAN, Amerika Syarikat, Eropah dan Timur Tengah. Manakala import daripada Jepun menyusut 2.7 peratus pada tempoh yang sama.

Beralih ke perspektif pasaran buruh, kadar penyertaan tenaga buruh Taiwan mencatatkan 59.2 peratus, meningkat berbanding 2021 (59.0%). Pada tempoh sama, jumlah tenaga buruh yang bekerja mencecah 11.42 juta orang, berkurang sedikit berbanding 2021 (11.45 juta orang). Kadar pengangguran juga semakin baik, iaitu 3.7 peratus (2021: 4.0%), yang mana bilangan orang tidak memiliki pekerjaan berkurang daripada 471 ribu orang kepada 434 ribu orang pada tahun 2022.

## Singapura

Pada tahun 2022, ekonomi Singapura meningkat 3.6 peratus, berkembang perlahan berbanding 8.9 peratus pada tahun 2021 (WEO, April 2023). Sektor Perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar ekonomi Singapura (menyumbang 71.3%), meningkat 4.8 peratus. Ia dipacu oleh Perdagangan borong, 3.2 peratus (2021: 9.6%), Perkhidmatan lain, 5.2 peratus (2021: 5.5%) dan Informasi & komunikasi, 8.6 peratus (2021: 13.4%). Penyumbang seterusnya iaitu sektor Pembuatan, bertumbuh 2.5 peratus, lebih perlahan berbanding 13.3 peratus pada tahun sebelumnya. Ini disebabkan oleh penyusutan dalam Kluster kimia dan Bioperubatan masing-masing 5.5 peratus dan 5.0 peratus. Kejatuhan dalam Kluster kimia disebabkan oleh segmen petrokimia dan bahan kimia khusus manakala bagi Bioperubatan, disebabkan penyusutan output bagi segmen farmaseutikal dan teknologi perubatan. Sektor Pembinaan berkembang 6.7 peratus, disokong peningkatan output pembinaan oleh kedua-dua sektor, Awam dan Swasta (*Ministry of Trade and Industry (MTI)*, 2023).

Bagi jumlah dagangan, kedua-dua jumlah dagangan barangan dan perkhidmatan meningkat pada 2022 berbanding 2021. Jumlah dagangan barangan bertumbuh 17.7 peratus didorong pertumbuhan dalam eksport barangan (15.6%) dan import barangan (20.1%). Pada tempoh yang sama, jumlah dagangan Perkhidmatan turut berkembang 10.8 peratus dengan pengembangan eksport, 12.1 peratus dan import, 9.3 peratus. Pertumbuhan eksport Perkhidmatan dipengaruhi oleh Perkhidmatan pengangkutan dengan pertumbuhan 4.5 peratus dan Perkhidmatan pelancongan, 3.0 peratus.

Menyoroti prestasi tenaga buruh Singapura, *Ministry of Manpower of Singapore* melaporkan bahawa kadar penyertaan tenaga buruh di



negara ini semakin baik iaitu 67.5 peratus pada 2022 berbanding 67.2 peratus pada tahun sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh semakin ramai penganggur yang mula mencari pekerjaan memandangkan peluang pekerjaan yang telah memulih seperti ketika pra-pandemik. Peratusan tenaga buruh yang bekerja adalah 82.7 peratus atau seramai 2.4 juta orang, turut meningkat berbanding 81.8 peratus yang direkodkan pada 2021. Bilangan penganggur pula seramai 87.6 ribu orang dengan kadar pengangguran yang semakin baik iaitu 2.1 peratus berbanding 2.7 peratus (2021). Bagi perincian mengikut kategori pekerjaan, kadar pengangguran bagi pekerjaan Profesional, pengurusan, eksekutif & teknikal (PMETs) adalah sebanyak 2.6 peratus (2021: 3.4%) manakala bukan PMETs adalah sebanyak 4.4 peratus (2021: 5.1%).

## DAYA SAING GLOBAL 2023

Kedudukan Malaysia dalam Daya Saing Global 2023 meningkat lima anak tangga di kedudukan ke-27 berbanding ke-32 pada tahun lalu dengan pencapaian nilai skor 75.75 (2022: 68.79). Penambahbaikan kedudukan ini merupakan kesan daripada usaha Malaysia dalam mengukuhkan asas ekonomi, dasar dan inisiatif dalam meletakkan negara sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan, perniagaan serta perdagangan. Menurut Laporan Daya Saing Global (*World Competitiveness 2023*) yang dikeluarkan oleh *International Institute for Management Development*, Denmark masih menduduki tangga pertama daya saing global pada 2023, diikuti Ireland di kedudukan kedua, naik sembilan anak tangga (2022: ke-11) dan Switzerland di kedudukan ketiga, namun turun satu anak tangga (2022: ke-2) (**Jadual 1.2**).

**Jadual 1.2** Kedudukan Daya Saing Global (*World Competitiveness Ranking*) negara terpilih, 2022 dan 2023

| Negara           | 2022      |              | 2023      |              |
|------------------|-----------|--------------|-----------|--------------|
|                  | Kedudukan | Skor         | Kedudukan | Skor         |
| Denmark          | 1         | 100.00       | 1         | 100.00       |
| Ireland          | 11        | 89.52        | 2         | 99.71        |
| Switzerland      | 2         | 98.92        | 3         | 99.13        |
| Singapura        | 3         | 98.11        | 4         | 97.44        |
| Belanda          | 6         | 94.29        | 5         | 95.58        |
| Taiwan           | 7         | 93.13        | 6         | 93.11        |
| Hong Kong        | 5         | 94.89        | 7         | 92.05        |
| Sweden           | 4         | 97.71        | 8         | 91.86        |
| Amerika Syarikat | 10        | 89.88        | 9         | 91.14        |
| UAE              | 12        | 88.67        | 10        | 90.52        |
| Kanada           | 14        | 87.23        | 15        | 88.21        |
| China            | 17        | 83.94        | 21        | 82.10        |
| Jerman           | 15        | 85.68        | 22        | 80.47        |
| <b>Malaysia</b>  | <b>32</b> | <b>68.79</b> | <b>27</b> | <b>75.75</b> |
| Republik Korea   | 27        | 75.56        | 28        | 75.71        |
| United Kingdom   | 23        | 78.45        | 29        | 75.48        |
| Perancis         | 28        | 74.34        | 33        | 71.05        |
| Jepun            | 34        | 66.62        | 35        | 67.84        |
| Sepanyol         | 36        | 66.18        | 36        | 67.22        |

Sumber: IMD *World Competitiveness Booklet*, 2023



## PROSPEK EKONOMI GLOBAL 2023

Melihat kepada senario ekonomi global semasa yang masih tidak menentu, *International Monetary Fund* (IMF) dalam laporan *World Economic Outlook* (WEO, Julai 2023) mengunjurkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dunia yang lebih rendah iaitu daripada 3.5 peratus pada 2022 kepada 3.0 peratus pada 2023. Pertumbuhan tahun 2023 dijangka lebih perlahan disebabkan oleh kesan penularan wabak COVID-19 yang masih belum tamat sepenuhnya, ditambah pergolakan Rusia-Ukraine yang masih berlanjutan telah mencetuskan krisis baharu iaitu gangguan kepada rantai bekalan makanan dan tenaga.

Sejak pencerobohan Rusia ke atas Ukraine pada tahun 2021, krisis antara dua negara ini masih lagi berlarutan sehingga kini dan telah menjejaskan rantai sumber makanan dan tenaga di beberapa wilayah. Kemelut di Ukraine ini telah memberi impak yang besar kepada prospek ekonomi jangka pendek khususnya kepada negara-negara di bawah *Commonwealth of Independent States* (CIS). Gangguan bekalan makanan dan tenaga menyebabkan peningkatan harga tenaga dan minyak, seterusnya mendorong kepada tekanan inflasi yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, inflasi global turut diunjur meningkat pada kadar 6.8 peratus pada tahun 2023 setelah mencatatkan 8.7 peratus pada 2022 (WEO, Julai 2023). Senario ini diburukkan lagi dengan tindakan agresif beberapa negara maju yang menaikkan kadar faedah dalam jangka masa yang singkat menyebabkan kejatuhan mata wang bagi negara-negara membangun (*World Economic Situation and Prospect* (WESP), 2023).

Selari dengan kelembapan ekonomi di peringkat global, ekonomi negara maju kebanyakannya turut diunjur bertumbuh

perlahan pada tahun 2023 iaitu 1.5 peratus berbanding 2.7 peratus pada 2022. Ekonomi Amerika Syarikat dianggarkan bertumbuh lebih perlahan iaitu pada kadar 1.8 peratus (2022: 2.1%), impak daripada aktiviti Perbelanjaan pengguna yang lemah disebabkan pendapatan yang tidak menentu serta ketidaktentuan dalam pasaran buruh. Seperti Amerika Syarikat, ekonomi Kanada turut diunjur bertumbuh perlahan daripada 3.4 peratus pada tahun 2022 kepada 1.7 peratus pada tahun 2023. United Kingdom juga dijangka bertumbuh marginal 0.4 peratus pada tahun 2023 (2022: 4.1%).

Beralih ke prospek ekonomi Kawasan Euro, pertumbuhan ekonomi turut diunjur perlahan pada tahun 2023 iaitu pada kadar 0.9 peratus berbanding 3.5 peratus pada 2022 ekoran gangguan sumber tenaga dan gas. Negara-negara dalam Kawasan Euro seperti Perancis, Itali dan Sepanyol turut diunjur bertumbuh marginal, masing-masing 0.8 peratus (2022: 2.5%), 1.1 peratus (2022: 3.7%) dan 2.5 peratus (2022: 5.5%). Walau bagaimanapun ekonomi Jerman dijangka menyusut 0.3 peratus berbanding pertumbuhan positif 1.8 peratus pada tahun 2022 (WEO, Julai 2023).

Seiring kelembapan ekonomi di peringkat global, ekonomi Jepun juga dijangka bertumbuh sederhana daripada 1.0 peratus pada tahun 2022 kepada 1.4 peratus pada tahun 2023. Begitu juga Republik Korea, dijangka mengalami pertumbuhan sederhana iaitu 1.4 peratus pada tahun 2023 (2022: 2.6%). Bagi negara-negara *Emerging Market and Developing Economies* (EMDE), KDNK 2023 dijangka bertumbuh 4.0 peratus sama seperti dicatatkan pada tahun 2022. Sebaliknya pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara *Emerging and Developing Europe* dijangka meningkat kepada 1.8 peratus berbanding pertumbuhan marginal 0.8 peratus pada tahun 2022. Ekonomi Rusia diunjur memulih

daripada penyusutan 2.1 peratus pada tahun 2022 kepada 1.5 peratus pada tahun 2023 disebabkan oleh kestabilan pengeksporan minyak di negara tersebut.

Pertumbuhan ekonomi bagi negara-negara *Emerging and Developing Asia* sebaliknya dijangka berkembang lebih pantas pada 2023, iaitu sebanyak 5.3 peratus berbanding 4.5 peratus yang dicatatkan pada 2022. Pertumbuhan di China misalnya, diunjur meningkat kepada 5.2 peratus berbanding 3.0 peratus pada tahun sebelumnya.

Walaupun penularan COVID-19 di China telah meningkat semula pada 2022, inisiatif Kerajaan China memperkenalkan polisi Zero COVID-19 pada akhir tahun 2022 serta pembukaan semula aktiviti ekonomi bermula 8 Januari 2023 dijangka berupaya memulihkan pertumbuhan ekonomi di China pada tahun 2023.

Bagi negara-negara ASEAN (Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand) ekonomi dijangka bertumbuh perlahan kepada 4.6 peratus berbanding 5.5 peratus pada tahun 2022 (WEO, Julai 2023).

**Jadual 1.3** Perubahan peratusan tahunan KDNK negara terpilih (%), 2022 dan unjuran 2023

| Negara                                | 2022       | Unjuran 2023 |
|---------------------------------------|------------|--------------|
| Ekonomi Dunia                         | 3.5        | 3.0          |
| Negara Maju                           | 2.7        | 1.5          |
| Amerika Syarikat                      | 2.1        | 1.8          |
| Kanada                                | 3.4        | 1.7          |
| United Kingdom                        | 4.1        | 0.4          |
| Kawasan Euro                          | 3.5        | 0.9          |
| Perancis                              | 2.5        | 0.8          |
| Itali                                 | 3.7        | 1.1          |
| Sepanyol                              | 5.5        | 2.5          |
| Jerman                                | 1.8        | -0.3         |
| Jepun                                 | 1.0        | 1.4          |
| Republik Korea                        | 2.6        | 1.4          |
| EMDE*                                 | 4.0        | 4.0          |
| <i>Emerging and Developing Asia</i>   | 4.5        | 5.3          |
| China                                 | 3.0        | 5.2          |
| India                                 | 7.2        | 6.1          |
| <i>Emerging and Developing Europe</i> | 0.8        | 1.8          |
| Rusia                                 | -2.1       | 1.5          |
| ASEAN**                               | 5.5        | 4.6          |
| Indonesia                             | 5.3        | 5.0          |
| Singapura***                          | 3.6        | 1.5          |
| Thailand                              | 2.6        | 3.4          |
| <b>Malaysia</b>                       | <b>8.7</b> | <b>4.5</b>   |

Sumber: IMF, *World Economic Outlook*, Julai 2023 dan *National Statistics Office* (NSO)

\* EMDE : *Emerging Market and Developing Economies*

\*\*ASEAN (Filipina, Indonesia, Malaysia, Singapura dan Thailand)

\*\*\*IMF, *World Economic Outlook*, April 2023

Nota:

Rujukan yang diambil telah diolah bersesuaian dengan laporan ini.



## FASA PERALIHAN ENDEMIK COVID-19: EKONOMI MALAYSIA BERTUMBUH KUKUH

Pembukaan semula sempadan antarabangsa negara bermula pada 1 April 2022 dan fasa peralihan ke endemik telah membantu pemulihan prestasi semua sektor ekonomi. Impaknya, ekonomi Malaysia pada tahun 2022 menunjukkan momentum pemulihan dan berada pada trajektori positif dengan merekodkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 8.7 peratus yang merupakan pertumbuhan tahunan tertinggi dalam tempoh 22 tahun (2000: 8.9%) berbanding 3.3 peratus pada tahun sebelumnya. Pasaran buruh turut mendapat kesan positif apabila bilangan tenaga buruh meningkat sebanyak 1.4 peratus atau 16.02 juta orang berbanding 15.80 juta orang pada 2021 (Laporan Survei Tenaga Buruh 2022, DOSM). Seiring dengan itu, Kadar Penyertaan Tenaga Buruh (KPTB) turut berkembang kepada 69.3 peratus berbanding tahun sebelumnya (68.6%).

Persekitaran ekonomi yang semakin pulih turut mendorong jumlah dagangan Malaysia untuk terus mengekalkan prestasi yang kukuh apabila berkembang sebanyak 27.8 peratus (2021: 24.9%) dengan nilai dagangan berjumlah RM2.85 trilion. Menerusi Laporan Perangkaan Perdagangan Luar Negeri 2022 yang dikeluarkan oleh DOSM, nilai eksport telah merekodkan peningkatan 25.0 peratus kepada RM1.55 trilion berbanding tahun



Indeks Harga  
Pengguna  
**3.3%**  
(2021: 2.5%)

Kadar Penyertaan  
Tenaga Buruh  
**69.3%**  
(2021: 68.6%)

“*Ekonomi Malaysia  
2022 pulih 8.7%  
berbanding  
3.3% pada  
tahun 2021*”

Jumlah  
Perdagangan  
meningkat  
**27.8%**

Kadar  
Pengangguran  
**3.9%**  
(2021: 4.6%)

sebelumnya (RM1.24 trilion). Nilai import turut bertumbuh kepada 31.3 peratus dengan mencatatkan RM1,296.1 bilion berbanding RM987.3 bilion pada tahun 2021.

Pada tahun 2022, Malaysia terus kekal sebagai destinasi pilihan para pelabur untuk mengembangkan perniagaan mereka. Para pelabur terus menunjukkan keyakinan untuk melabur di Malaysia kerana tindakan kerajaan dalam mengukuhkan pembangunan ekonomi dan menjadikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang stabil.



Hasilnya, sebanyak RM264.6 bilion pelaburan telah diluluskan sepanjang tahun tersebut merangkumi RM101.3 bilion pelaburan domestik dan RM163.3 bilion pelaburan asing yang mendorong peluang pekerjaan meningkat sebanyak 33.7 peratus untuk merekodkan 140,370 peluang pekerjaan (Laporan Prestasi Pelaburan Malaysia 2022, MIDA). Pelaburan Langsung Asing (FDI) mencatatkan aliran masuk bersih sebanyak RM74.6 bilion pada tahun 2022 berbanding RM50.4 bilion pada 2021. Sektor Pembuatan kekal menjadi penyumbang utama FDI dengan merekodkan aliran masuk bersih sebanyak RM49.5 bilion manakala sektor Perkhidmatan merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan RM23.5 bilion. Rantau Amerika menjadi penyumbang tertinggi FDI di Malaysia pada 2022 dengan aliran masuk bersih sebanyak RM42.6 bilion diikuti oleh rantau Asia dengan RM37.8 bilion (Statistik Pelaburan Langsung Asing di Malaysia 2022, DOSM).

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang semakin memulih ini berikutan Malaysia ke fasa peralihan endemik yang berkuatkuasa pada 1 April 2022 setelah hampir dua tahun Malaysia bergelut dengan pandemik COVID-19. Peralihan ini berjaya dicapai susulan daripada Program Vaksinasi COVID-19, Program Dos Penggalak (Booster) dan sistem perkhidmatan kesihatan yang terkawal. Pada masa yang sama, melalui Belanjawan 2022 kerajaan terus prihatin dan melindungi rakyat dengan meneruskan usaha untuk mengawal penularan COVID-19 dengan tambahan peruntukan RM4.0 bilion, yang merangkumi RM2.0 bilion bagi membiayai program vaksinasi manakala RM2.0 bilion lagi untuk meningkatkan kapasiti fasiliti perkhidmatan kesihatan awam seperti pembelian bekalan ubat, bahan guna habis, pakaian perlindungan diri (PPE) dan kit kesihatan.

Di samping itu, Kerajaan turut melaksanakan Program Vaksinasi COVID-19 kepada Kanak-kanak (PICKids) berusia 5 hingga bawah 12 tahun bermula Februari 2022. Ini berikutan, kerajaan tidak mahu hanya menumpukan kesan penularan terhadap golongan dewasa tetapi turut memberi fokus kepada kanak-kanak terutamanya setelah sesi persekolahan dibuka. PICKids ini memerlukan dua suntikan dos vaksin yang lengkap untuk memberi kesan tindak balas imuniti dan kadar keberkesanan lebih tinggi serta berpotensi memberikan perlindungan yang lebih lama. Hasilnya, sehingga 5 Oktober 2022, sebanyak 50.0 peratus daripada kumpulan itu telah mengambil sekurang-kurangnya satu dos vaksin. Manakala 43.3 peratus kanak-kanak telah lengkap menerima vaksin tersebut.

Selaras dengan pembukaan semula sempadan antarabangsa mulai 1 April 2022, rakyat Malaysia yang mempunyai dokumen perjalanan sah dibenarkan mengunjungi negara yang turut membuka pintu sempadannya. Walau bagaimanapun, beberapa protokol untuk pengembara telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi menjadikan Malaysia destinasi selamat serta mengelakkan kesesakan di pintu masuk antarabangsa. Pembukaan semula sempadan antarabangsa telah merancakkan kembali sektor pelancongan negara dengan merekodkan 10.1 juta ketibaan pelancong asing pada tahun 2022 berbanding 134.7 ribu orang pada tahun sebelumnya. Ianya telah menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM28.2 bilion pada tahun 2022 berbanding RM0.24 bilion tahun 2021 (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, MOTAC). Perkembangan ini dilihat dapat membantu meningkatkan pemulihan ekonomi dengan lebih pantas serta memberi impak positif



kepada pertumbuhan ekonomi negara, khususnya kepada subsektor seperti Perdagangan borong & runcit, makanan & minuman dan penginapan. Tambahan itu, MOTAC melalui *Tourism Malaysia* turut melancarkan Pelan Pemulihan Pelancongan 2022 yang melibatkan pemberian dalam bentuk diskaun, baucar dan rebat bermula pada 29 April 2022 bagi menarik minat orang ramai untuk melancong dalam negara.

Inisiatif bagi merencanakan kembali pertumbuhan ekonomi Malaysia turut dimanifestasikan melalui Belanjawan 2022, dengan peruntukan sebanyak RM332.1 bilion, merangkumi RM233.5 bilion perbelanjaan mengurus, RM75.6 bilion perbelanjaan pembangunan dan RM23.0 bilion di bawah Kumpulan COVID-19. Inisiatif-inisiatif lain juga telah mendokong pertumbuhan ekonomi Malaysia seperti pelanjutan Program Pengurusan dan Ketahanan Kewangan (URUS) dari 31 Januari 2022 hingga 31 Mac 2022 bagi golongan yang masih memerlukan bantuan

dan sokongan bayaran balik pinjaman bank masing-masing.

Kerajaan turut menyalurkan pelbagai pakej bantuan untuk merencanakan aktiviti ekonomi seperti Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) dengan peruntukan sebanyak RM8.2 bilion kepada golongan B40, M40 dan bujang, JaminKerja Keluarga Malaysia (RM4.8 bilion), pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian dan perikanan (RM1.7 bilion), Program Subsidi Upah bersasar kepada pemain industri pelancongan (RM600 juta), Jalinan Digital Negara (JENDELA) dengan peruntukan sebanyak RM700 juta dan lain-lain manfaat yang memberi kelebihan kepada rakyat seterusnya membantu pemulihan ekonomi negara.

Sokongan dasar kerajaan yang konsisten ini telah menyokong pertumbuhan prestasi ekonomi Malaysia pada tahun 2022 sehingga Malaysia merekodkan pertumbuhan lebih baik dalam kesemua sektor ekonomi.

## **PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2022**

Ekonomi Malaysia mengukuh dengan pertumbuhan 8.7 peratus pada tahun 2022 daripada 3.3 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.1**). Prestasi ini dipacu oleh sektor Perkhidmatan dan Pembuatan yang menyumbang 82.4 peratus daripada jumlah KDNK. Dari segi permintaan, perbelanjaan penggunaan akhir swasta kekal sebagai komponen terbesar dengan sumbangan sebanyak 60.2 peratus kepada KDNK pada tahun 2022 (**Carta 1.2**).

KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM1.79 trilion pada tahun 2022, manakala RM1.51 trilion pada harga malar. Selari dengan prestasi keseluruhan, Pendapatan Negara Kasar per kapita meningkat kepada RM53,043 daripada RM46,253 pada tahun sebelumnya.

### **Perkhidmatan**

Sektor Perkhidmatan melonjak kepada 10.9 peratus pada tahun 2022 daripada 2.2 peratus pada tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.3**. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam subsektor utama seperti perdagangan borong & runcit pada 13.5 peratus (2021: 2.0%), pengangkutan & penyimpanan pada 30.8 peratus (2021: 1.4%) dan makanan & minuman dan penginapan pada 33.0 peratus (2021: -10.4%).

### **Pembuatan**

Sektor Pembuatan menyederhana 8.1 peratus (2021: 9.5%) pada tahun 2022 seperti di **Carta 1.4**. Pertumbuhan ini dipacu oleh komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna yang bertumbuh 16.7 peratus (2021: 16.0%), kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan melonjak 15.1 peratus

(2021: 1.4%) dan produk petroleum bertapis pada 5.2 peratus (2021: 12.8%). Walau bagaimanapun, produk getah menyusut 16.6 peratus (2021: 21.9%) dan telah mengurangkan pertumbuhan keseluruhan sektor ini.

### **Pertanian**

Sektor Pertanian pada tahun 2022, meningkat 0.1 peratus berbanding penurunan 0.1 peratus pada tahun 2021 (**Carta 1.5**). Prestasi ini disebabkan terutamanya oleh subsektor Kelapa sawit yang meningkat 3.8 peratus (2021: -5.6%). Walau bagaimanapun, subsektor Pertanian lain, getah serta perhutanan dan pembalakan menyusut masing-masing pada 3.2 peratus (2021: 5.9%), 19.7 peratus (2021: 8.8%) dan 3.6 peratus (2021: 2.0%).

### **Pembinaan**

Sektor Pembinaan kembali pulih 5.0 peratus berbanding penyusutan 5.1 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.6**). Prestasi ini diterajui oleh bangunan bukan kediaman dan aktiviti pembinaan pertukangan khas yang masing-masing mencatatkan peningkatan 12.2 peratus (2021: -2.0%) dan 9.7 peratus (2021: 20.7%). Sebaliknya, kedua-dua bangunan kediaman dan kejuruteraan awam menyusut sebanyak 1.2 peratus (2021: -12.4%) dan 0.3 peratus (2021: -17.8%).

### **Perlombongan dan pengkuarian**

Sektor Perlombongan dan pengkuarian meningkat 2.6 peratus daripada 0.9 peratus pada tahun 2021 seperti di **Carta 1.7**. Peningkatan ini disumbangkan oleh subsektor gas asli yang berkembang 5.9 peratus (2021: 7.1%) dan perlombongan lain & pengkuarian dan perkhidmatan sokongan yang meningkat 7.2 peratus (2021: -4.8%). Sementara itu, minyak mentah & kondensat menurun sebanyak 2.7 peratus (2021: -5.3%) pada tahun 2022.



### Perbelanjaan penggunaan akhir swasta

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta melonjak kepada 11.2 peratus berbanding 1.9 peratus pada tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.8**. Pengembangan ini didorong oleh perbelanjaan penggunaan ke atas pengangkutan, restoran & hotel dan makanan & minuman bukan alkohol.

Sumbangan perbelanjaan penggunaan bagi perkhidmatan kepada jumlah perbelanjaan penggunaan swasta menurun kepada 41.3 peratus (2021: 46.0%). Sementara itu, sumbangan perbelanjaan bagi barangan meningkat kepada 58.7 peratus (2021: 54.0%) disumbangkan oleh barangan tidak tahan lama (72.2%) dan barangan tahan lama (17.2%).

### Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan mencatatkan pertumbuhan sederhana 4.5 peratus berbanding 6.4 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.9**). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan awam telah menerajui pertumbuhan memberangsangkan bagi perbelanjaan kerajaan pada tahun 2022. Walau bagaimanapun, penurunan dalam perbelanjaan ke atas kesihatan dan kemudahan perumahan & kemasyarakatan telah mengurangkan perbelanjaan kerajaan secara keseluruhannya.

**Ekspor kekal kukuh pada tahun 2022 dengan pertumbuhan 14.5%**

### Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) kembali pulih kepada 6.8 peratus pada tahun 2022 daripada kejatuhan 0.8 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.10**). Prestasi ini disebabkan oleh Jentera & peralatan yang bertumbuh 10.2 peratus (2021: 13.4%). Selain itu, Struktur dan Aset lain yang masing-masing berkembang 4.7 peratus dan 2.3 peratus juga telah menyokong prestasi sektor ini.

Sementara itu, sektor Swasta (sumbangan: 77.8%) yang meningkat kepada 7.2 peratus daripada 2.7 peratus pada tahun 2021, telah memacu momentum pertumbuhan PMTK. Tambahan lagi, sektor Awam melonjak 5.3 peratus daripada penguncupan 11.1 peratus pada tahun sebelumnya.

### Ekspor dan import

Ekspor mencatatkan pertumbuhan kukuh 14.5 peratus berbanding 18.5 peratus pada tahun sebelumnya (**Carta 1.11**). Momentum pertumbuhan ini disumbangkan oleh Ekspor barangan yang meningkat 11.1 peratus (2021: 21.4%) dan menyumbang sebanyak 89.9 peratus daripada jumlah Ekspor. Sementara itu, Ekspor perkhidmatan melonjak 56.8 peratus daripada penyusutan 8.2 peratus pada tahun 2021.


Import mengukuh kepada 15.9 peratus (2021: 21.2%), seperti di **Carta 1.12**. Kedua-dua Import barangan dan perkhidmatan merekodkan pertumbuhan dua digit 14.6 peratus dan 23.9 peratus. Import barangan menyumbang 84.8 peratus kepada Import keseluruhan.






## CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA 2022

**Carta 1.1** KDNK - Perubahan peratusan tahunan pada harga malar




**Carta 1.2** KDNK mengikut kaedah pengeluaran dan perbelanjaan (% sumbangan) pada harga malar

**KDNK pada harga malar: RM1,510.9 bilion**





**Carta 1.3** Prestasi sektor Perkhidmatan, tahunan









**Carta 1.4 Prestasi sektor Pembuatan, tahunan**



**Carta 1.5 Prestasi sektor Pertanian, tahunan**




**Carta 1.6 Prestasi sektor Pembinaan, tahunan**








**Carta 1.7 Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, tahunan**



**Carta 1.8 Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir swasta, tahunan**





**Carta 1.9 Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan, tahunan**








**Carta 1.10 Prestasi pembentukan modal tetap kasar, tahunan**



**Carta 1.11 Prestasi eksport, tahunan**



**Carta 1.12 Prestasi import, tahunan**



## Inflasi

Peningkatan inflasi global telah berlaku pada tahun 2022 akibat kenaikan harga komoditi, pengukuhan dolar Amerika Syarikat (USD) berbanding mata wang utama dan ketegangan geopolitik antara Rusia dan Ukraine. Inflasi yang diukur melalui Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Kenaikan ini merupakan peningkatan kedua tertinggi dalam tempoh 10 tahun dan paras tertinggi yang dicatatkan sejak 2018.

Kenaikan kadar inflasi sebanyak 3.3 peratus ini dipengaruhi oleh peningkatan ketara dalam kumpulan Makanan & minuman (5.8%), Restoran & hotel (5.0%), Pengangkutan (4.7%) dan Hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (3.5%). Ini diikuti oleh Perkhidmatan rekreasi & kebudayaan (2.3%), Pelbagai barangan & perkhidmatan (2.0%) dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (1.8%).

Antara faktor yang mendorong kepada kenaikan inflasi kumpulan makanan & minuman termasuklah lonjakan harga gandum di peringkat global, yang mana harga gandum meningkat melebihi RM3.00 sekilogram. Bencana banjir dan tanah runtuh yang melanda turut menjejaskan bekalan produk pertanian, sekali gus menyebabkan kekurangan bekalan makanan dan kenaikan harga. Selain itu, pembukaan semula semua aktiviti ekonomi dan pemulihan sektor pelancongan turut menyumbang kepada peningkatan kadar inflasi apabila berlakunya peningkatan harga kumpulan Restoran & hotel. Purata harga petrol tanpa plumbum RON97 meningkat 50.2 peratus daripada RM2.65/liter kepada RM3.97/liter dan RON95 meningkat 1.1 peratus daripada RM2.03/liter kepada RM2.05/liter. Pada tempoh sama, purata harga diesel juga meningkat

0.5 peratus iaitu daripada RM2.14/liter pada tahun 2021 kepada RM2.15/liter pada tahun 2022. Ini mendorong kenaikan harga bagi sebahagian besar kumpulan. Selain itu, harga alat ganti kenderaan turut meningkat disebabkan gangguan bekalan alat ganti di peringkat global semenjak pandemik COVID-19 melanda dunia, krisis Rusia-Ukraine serta konflik perdagangan di antara Amerika Syarikat dan China.

Sementara itu, inflasi teras yang mengukur perubahan harga barang dan perkhidmatan, tidak termasuk makanan segar yang harganya tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan bertumbuh 3.0 peratus (2021: 0.7%) manakala inflasi tanpa bahan api meningkat 3.2 peratus (2021: 1.2%). Bagi perbandingan inflasi antara bandar dan luar bandar, inflasi bandar meningkat lebih pantas, iaitu 3.6 peratus (2021: 2.4%) berbanding luar bandar, yang meningkat 2.6 peratus (2021: 2.6%). Tiga negeri yang mencatatkan peningkatan inflasi tertinggi ialah W.P. Putrajaya yang meningkat 7.3 peratus (2021: 3.9%), diikuti Selangor, 4.2 peratus (2021: 2.7%) dan Johor, 3.4 peratus (2021: -2.4%). Negeri yang merekodkan peningkatan inflasi terendah pula ialah W.P. Labuan, 2.4 peratus (2021: 1.6%). Ini diikuti oleh Kedah, 2.6 peratus (2021: 2.6%) dan Melaka, 2.7 peratus (2021: 2.4%). Bagi kadar inflasi di negara serantau, Lao P.D.R mencatatkan kadar inflasi tertinggi iaitu 23.0 peratus, manakala Viet Nam mencatatkan inflasi terendah sebanyak 3.2 peratus.

### Paparan 1.1 Purata harga item terpilih, Malaysia, 2021-2022





## Pasaran tenaga buruh

Ekonomi Malaysia pada tahun 2022 terus pulih didorong oleh permintaan luar dan domestik, kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan mengukuhkan pasaran buruh bagi menyokong pertumbuhan sosioekonomi. Fasa 4 PPN telah dilaksanakan di semua negeri pada awal 2022 membolehkan perniagaan beroperasi dengan tempoh yang lebih lama serta kelonggaran sekatan. Keadaan ini mendorong tenaga buruh mula berkembang pada awal 2022 berikutan pengoperasian semua sektor ekonomi dan aktiviti sosial. Seterusnya pembukaan sepenuhnya sempadan negara mulai April 2022 telah merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Berdasarkan laporan Statistik Tenaga Buruh tahun 2022 yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, tenaga buruh di Malaysia pada tahun 2022 terus berkembang sebanyak 1.4 peratus (224.9 ribu orang) mencapai jumlah seramai 16.02 juta orang berbanding 15.80 juta orang pada tahun 2021. Sementara itu, kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) kekal pada trend meningkat, bertambah sebanyak 0.7 mata peratus kepada 69.3 peratus (2021: 68.6%). Pada tahun 2022, terdapat 15.39 juta orang penduduk bekerja, meningkat sebanyak 2.2 peratus atau 327.6 ribu orang, berbanding tahun sebelumnya (2021: 15.06 juta orang). Seterusnya, nisbah guna tenaga kepada penduduk, yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan pekerjaan, meningkat 1.1 mata peratus tahun ke tahun kepada 66.5 peratus (2021: 65.4%). Kadar pengangguran pada tahun 2022 mencatatkan penurunan sebanyak 0.7 mata peratus kepada 3.9 peratus susulan daripada



**Kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB) merekodkan peningkatan kepada 69.3%**

peningkatan ekonomi yang beransur pulih dari pandemik COVID-19. Sejarar itu, bilangan penganggur menurun sebanyak 102.7 ribu orang untuk merekodkan 630.4 ribu orang penganggur (2021: 733.0 ribu orang).

Dari segi komposisi penduduk bekerja yang berjumlah 15.39 juta orang, seramai 9.41 juta orang adalah lelaki manakala selebihnya adalah perempuan (5.98 juta orang). Sektor Perkhidmatan mencatatkan bilangan penduduk bekerja tertinggi dalam sektor ekonomi dengan sumbangan sebanyak 65.0 peratus. Ini diikuti oleh sektor Pembuatan (16.8%) dan Pertanian (10.0%). Sementara itu, 7.6 peratus dan 0.5 peratus penduduk bekerja masing-masing dalam sektor Pembinaan dan Perlombongan & pengkuarian. Dari segi tahap kemahiran, pekerja separuh mahir mewakili majoriti penduduk bekerja pada 2022 (58.4%), diikuti oleh pekerja mahir (29.6%) dan pekerja berkemahiran rendah (12.0%). Dari sudut taraf pekerjaan, didominasi oleh kategori pekerja dengan liputan sebanyak 80.3 peratus diikuti oleh kategori bekerja sendiri (13.1%), majikan (3.9%) dan pekerja keluarga tanpa gaji (2.6%).

Mengikut kategori penganggur, penganggur aktif atau mereka yang bersedia untuk bekerja dan aktif mencari pekerjaan merangkumi 79.8 peratus daripada jumlah penganggur pada tahun 2022. Dalam kalangan penganggur aktif, mereka yang menganggur kurang daripada tiga bulan merangkumi 47.4 peratus, manakala mereka yang berada dalam pengangguran jangka panjang melebihi setahun adalah 8.3 peratus atau bersamaan 41.5 ribu orang. Kadar pengangguran bagi lelaki dan perempuan masing-masing menurun sebanyak 0.7 mata peratus kepada 3.8 peratus (2021: 4.5%) dan 4.1 peratus (2021: 4.8%). Kadar pengangguran bagi belia berumur 15 hingga 24 tahun meningkat sebanyak 0.4 mata peratus kepada 11.7 peratus (2021: 11.3%), merekodkan 321.2 ribu penganggur belia pada 2022.

Dari segi prestasi mengikut negeri, kadar penyertaan tenaga buruh yang lebih tinggi menunjukkan lebih banyak penyertaan buruh dalam ekonomi. Pada tahun 2022, kesemua negeri menunjukkan peningkatan dalam KPTB, dengan negeri Selangor mencatatkan kadar tertinggi iaitu pada 76.9 peratus, diikuti oleh W.P. Putrajaya (75.7%), W.P. Kuala Lumpur (72.4%), Johor dan Sabah (70.9%). Bagi kadar pengangguran mengikut negeri, kesemua negeri merekodkan penurunan pada kadar pengangguran. Pada tahun tersebut, W.P. Putrajaya mencatatkan kadar pengangguran terendah dengan 1.0 peratus, diikuti oleh negeri Melaka (1.6%) dan Pahang (2.5%).

## Luar tenaga buruh

Pada tahun 2022, jumlah penduduk luar tenaga buruh mencecah seramai 7.11 juta orang, berkurang sebanyak 1.5 peratus atau bersamaan 111.3 ribu orang (2021: 7.22 juta orang). Mengikut kategori jantina, perempuan menyumbang 69.6 peratus daripada penduduk luar tenaga buruh dan lelaki menyumbang sebanyak 30.4 peratus. Bilangan luar tenaga buruh perempuan berkurang sebanyak 0.2 peratus kepada 4.95 juta orang (2021: 4.95 juta), manakala bilangan lelaki berkurang sebanyak 4.6 peratus kepada 2.16 juta orang pada tahun 2022 (2021: 2.27 juta orang).

Pada tahun tersebut, penduduk berumur 15 hingga 24 tahun merupakan kategori terbesar luar tenaga buruh iaitu pada 45.1 peratus. Majoriti kumpulan umur ini terdiri daripada golongan perempuan sebanyak 25.0 peratus manakala golongan lelaki mencatatkan 20.1 peratus.

Kategori kerja rumah/ tanggungjawab keluarga merupakan sebab utama luar tenaga buruh dengan peratus sumbangan sebanyak 44.5 peratus berbanding 45.2 peratus pada tahun 2021. Bersekolah/ latihan menduduki tempat kedua dengan peratus sumbangan sebanyak 40.9 peratus pada tahun 2022 .

**Bilangan luar tenaga buruh perempuan lebih ramai berbanding luar tenaga buruh lelaki**


**Jadual 1.4** Perubahan peratusan produktiviti buruh tahunan mengikut aktiviti ekonomi (%), 2021-2022

| Aktiviti ekonomi             | Produktiviti nilai ditambah per jam bekerja |            | Produktiviti nilai ditambah per pekerja |            |
|------------------------------|---|------------|---|------------|
|                              | 2021  | 2022       | 2021                                    | 2022       |
| Pertanian                    | -4.5  | -1.2       | -0.5                                    | 0.8        |
| Perlombongan dan pengkuarian | -3.2  | -1.2       | -0.8                                    | 1.4        |
| Pembuatan                    | 3.1   | -0.1       | 6.7                                     | 4.1        |
| Pembinaan                    | -8.2  | -2.0       | -4.1                                    | 5.2        |
| Perkhidmatan                 | -3.9  | 3.3        | 0.7                                     | 6.5        |
| <b>Produktiviti buruh</b>    | <b>-2.4</b>                                 | <b>1.8</b> | <b>2.0</b>                              | <b>5.4</b> |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Produktiviti buruh

Produktiviti buruh diukur melalui nilai ditambah per pekerja serta nilai ditambah per jam bekerja. Prestasi produktiviti buruh per pekerja meningkat 5.4 peratus pada tahun 2022 (2021: 2.0%) dengan merekodkan nilai ditambah per pekerja sebanyak RM95,858 per pekerja (2021: RM90,952 per pekerja). Sementara itu, produktiviti buruh per jam bekerja meningkat 1.8 peratus (2021: -2.4%) dengan mencatatkan nilai RM41.8 per jam berbanding RM41.1 per jam pada tahun sebelumnya (**Jadual 1.4**).

Produktiviti buruh per pekerja sektor Pembuatan meningkat, namun sederhana kepada 4.1 peratus (2021: 6.7%) dengan nilai RM133,902 per pekerja (2021: RM128,662 per pekerja).

Bagi sektor Perkhidmatan, produktiviti buruh per pekerja turut meningkat kepada 6.5 peratus (2021: 0.7%) dengan nilai RM90,636 per pekerja (2020: RM85,089 per pekerja).

Sementara itu, produktiviti buruh per pekerja sektor Pertanian meningkat marginal 0.8 peratus (2021: -0.5%) dengan nilai RM53,240 per pekerja (2021: RM52,840 per pekerja).



**Sektor Perkhidmatan** mencatatkan produktiviti buruh per jam bekerja pada kadar **3.3%**

Bagi sektor Perlombongan dan pengkuarian, produktiviti buruh per pekerja meningkat sedikit kepada 1.4 peratus (2021: -0.8%) dengan nilai RM1,267,278 per pekerja (2021: RM1,249,966 per pekerja).

Seterusnya, sektor Pembinaan mencatatkan produktiviti buruh per pekerja 5.2 peratus (2021: -4.1%) dengan nilai RM38,658 per pekerja (2020: RM36,732 per pekerja).



## **PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2023**

Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bertumbuh 5.6 peratus pada suku tahun pertama 2023 berbanding 7.1 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya (**Carta 1.13**). Bagi terma pelarasan musim, KDNK meningkat 0.9 peratus (ST4 2022: -1.7%) seperti di **Carta 1.14**.

Dari segi penawaran, kesemua sektor ekonomi bertumbuh pada suku tahun ini terutamanya sektor Perkhidmatan dan Pembuatan. Tambahan pula, prestasi ini juga dapat dilihat dari segi permintaan, terutamanya didorong oleh Perbelanjaan penggunaan akhir swasta dan Pembentukan modal tetap kasar.

Secara keseluruhannya, KDNK Malaysia pada harga semasa berjumlah RM444.0 bilion, manakala pada harga malar bernilai RM380.9 bilion pada suku tahun ini.

### **Perkhidmatan**

Sektor Perkhidmatan meningkat 7.3 peratus pada suku tahun ini berbanding 9.1 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.15**. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini bertumbuh 1.7 peratus (ST4 2022: -1.5%).

Subsektor perdagangan borong & runcit pada suku tahun ini memacu sektor Perkhidmatan dengan pertumbuhan 9.4 peratus (ST4 2022: 9.8%) disokong oleh prestasi yang baik dalam semua segmen, terutamanya perdagangan runcit pada 14.5 peratus (ST4 2022: 19.2%). Pertumbuhan ini diikuti oleh subsektor pengangkutan dan penyimpanan yang bertumbuh 17.0 peratus (ST4 2022: 23.1%) terutamanya disumbangkan oleh prestasi yang lebih baik dalam segmen

pengangkutan udara dan pengangkutan darat. Tambahan pula, subsektor perkhidmatan perniagaan mencatatkan pertumbuhan dua digit 16.2 peratus (ST4 2022: 23.7%) disokong oleh prestasi kukuh dalam kedua-dua segmen perkhidmatan profesional dan pentadbiran.

### **Pembuatan**

Sektor Pembuatan bertumbuh 3.2 peratus daripada 3.9 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.16**. Sektor ini meningkat marginal 0.5 peratus bagi terma pelarasan musim daripada penurunan 2.6 peratus pada suku tahun keempat 2022.

Prestasi ini dipengaruhi oleh produk elektrik, elektronik dan optikal yang meningkat 3.8 peratus (ST4 2022: 9.2%), diikuti oleh peralatan pengangkutan, pembuatan lain dan pembaikan pada 7.7 peratus (ST4 2022: 4.9%) dan minyak dan lemak daripada sayuran & haiwan dan prosesan makanan pada 7.2 peratus (ST4 2022: 4.4%). Sebaliknya, Produk kayu, perabot, keluaran kertas dan percetakan menurun 4.0 peratus (ST4 2022: -2.6%) pada suku tahun ini.



**Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia bertumbuh 5.6 % pada suku tahun pertama 2023**



## Pertanian

Sektor Pertanian meningkat marginal 0.9 peratus berbanding 1.1 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.17**. Walau bagaimanapun, sektor ini merosot 2.5 peratus bagi terma pelarasan musim (ST4 2022: 2.0%).

Pertumbuhan marginal ini dipengaruhi oleh subsektor kelapa sawit yang meningkat 3.4 peratus (ST4 2022: 9.6%) dan pertanian lain pulih pada 2.6 peratus (ST4 2022: -4.9%). Sebaliknya, subsektor ternakan, getah, perikanan dan perhutanan & pembalakan masing-masing menyusut 2.6 peratus, 13.5 peratus, 1.4 peratus dan 2.1 peratus.

## Pembinaan

Sektor Pembinaan bertumbuh perlahan pada 7.4 peratus berbanding 10.1 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.18**. Sektor ini pulih dengan pertumbuhan 2.9 peratus (ST4 2022: -4.1%) bagi terma pelarasan musim.

Prestasi yang memberangsangkan ini disokong oleh Kejuruteraan awam pada 15.9 peratus (ST4 2022: 18.1%), diikuti oleh aktiviti pembinaan pertukangan khas yang terus berkembang kepada 8.7 peratus (ST4 2022: 8.0%) pada suku tahun ini. Tambahan pula, bangunan bukan kediaman bertumbuh 6.4 peratus berbanding 10.7 peratus pada suku tahun sebelumnya. Namun demikian, Bangunan kediaman mencatatkan penyusutan 3.4 peratus (ST4 2022: 2.8%) pada suku tahun ini.



## Perlombongan dan pengkuarian

Sektor Perlombongan dan pengkuarian menyederhana kepada 2.4 peratus daripada 6.3 peratus pada suku tahun keempat 2022 seperti di **Carta 1.19**. Bagi terma pelarasan musim, sektor ini menyusut 3.2 peratus (ST4 2022: -2.4%).

Penyederhanaan ini disebabkan oleh kesemua subsektor terutamanya minyak mentah dan kondensat yang bertumbuh 4.0 peratus (ST4 2022: 4.3%). Tambahan pula, gas asli mencatatkan pertumbuhan marginal 0.6 peratus berbanding 7.3 peratus pada suku tahun sebelumnya.

## Perbelanjaan penggunaan akhir

Perbelanjaan penggunaan akhir mencatatkan pertumbuhan lebih perlahan 4.5 peratus berbanding 6.3 peratus pada suku tahun sebelumnya seperti di **Carta 1.20**.

Perbelanjaan penggunaan akhir swasta meningkat kepada 5.9 peratus (ST4 2022: 7.3%) pada suku tahun pertama 2023. Prestasi sederhana ini disokong oleh penggunaan ke atas pengangkutan, perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain dan makanan & minuman bukan alkohol. Bagi terma pelarasan musim, perbelanjaan penggunaan akhir swasta pulih dengan pertumbuhan 2.0 peratus (ST4 2022: -2.6%).

Perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan merosot 2.2 peratus berbanding 3.0 peratus pada suku tahun sebelumnya dipengaruhi oleh perbelanjaan yang lebih rendah ke atas bekalan dan perkhidmatan. Bagi terma pelarasan musim, perbelanjaan penggunaan akhir kerajaan terus menyusut 1.7 peratus (ST4 2022: -1.0%) pada suku tahun ini.

## Pembentukan modal tetap kasar

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) bertumbuh perlahan pada 4.9 peratus berbanding 8.8 peratus pada suku tahun keempat 2022 seperti di **Carta 1.21**. Bagi terma pelarasan musim, PMTK merekodkan penurunan 1.4 peratus (ST4 2022: 0.1%).

Prestasi perlahan PMTK ini disebabkan oleh struktur dan jentera & peralatan yang masing-masing bertumbuh sederhana pada 7.5 peratus (ST4 2022: 9.9%) dan 2.6 peratus (ST4 2022: 8.6%). Tambahan pula, Aset lain menyusut 0.3 peratus daripada 3.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

Sektor Swasta dengan sumbangan 80.6 peratus daripada PMTK, mencatatkan pertumbuhan sederhana 4.7 peratus (ST4 2022: 10.3%) pada suku tahun ini. Sementara itu, sektor Awam berkembang 5.7 peratus berbanding 6.0 peratus pada suku tahun sebelumnya.

## Eksport dan import

Eksport menunjukkan prestasi merosot dengan mencatatkan penyusutan 3.3 peratus (ST4 2022: 8.6%) pada suku tahun ini. Penurunan ini dipengaruhi oleh penguncupan dalam eksport barangan (**Carta 1.22**). Bagi terma pelarasan musim, Eksport terus menurun 8.9 peratus (ST4 2022: -5.2%) pada suku tahun pertama 2023.


Import menyusut 6.5 peratus berbanding 7.2 peratus pada suku tahun sebelumnya disebabkan oleh kejatuhan dalam import barangan. Selain itu, bagi terma pelarasan musim, Import menguncup 7.0 peratus (ST4 2022: -6.1%).






# CARTA PERTUMBUHAN EKONOMI MALAYSIA SUKU TAHUN PERTAMA 2023



**Carta 1.13** KDNK - Nilai ditambah dan perubahan peratusan tahunan, 2020-2023





**Carta 1.14** KDNK pelarasan musim - Perubahan peratusan dari suku tahun sebelumnya, 2020-2023



**Carta 1.15** Prestasi sektor Perkhidmatan, suku tahunan




**Carta 1.16** Prestasi sektor Pembuatan, suku tahunan






**Carta 1.17 Prestasi sektor Pertanian, suku tahunan**

Nilai ditambah dan pertumbuhan, ST12020-ST12023




Sumbangan, ST12023



**Carta 1.18 Prestasi sektor Pembinaan, suku tahunan**

Nilai ditambah dan pertumbuhan, ST12020-ST12023




Sumbangan, ST12023



**Carta 1.19 Prestasi sektor Perlombongan dan pengkuarian, suku tahunan**

Nilai ditambah dan pertumbuhan, ST12020-ST12023





Sumbangan, ST12023







**Carta 1.20** Prestasi perbelanjaan penggunaan akhir, suku tahunan




**Carta 1.21** Prestasi pembentukan modal tetap kasar, suku tahunan



**Carta 1.22** Prestasi eksport dan import, suku tahunan



**Carta 1.23** Pertumbuhan KDNK bulanan, suku tahunan dan tahunan





**Jadual 1.5** Perubahan peratusan KDNK suku tahunan bagi negara terpilih (%), ST1 2021 – ST1 2023

| Negara            | Jenis pertumbuhan | 2021        |             |             |            | 2022       |            |             |             | 2023       |
|-------------------|-------------------|-------------|-------------|-------------|------------|------------|------------|-------------|-------------|------------|
|                   |                   | ST1         | ST2         | ST3         | ST4        | ST1        | ST2        | ST3         | ST4         | ST1        |
| European Union 27 | Tahunan           | -0.6        | 13.9        | 4.5         | 5.2        | 5.6        | 4.3        | 2.5         | 1.6         | 1.1        |
|                   | Pelarasan musim*  | 0.4         | 1.9         | 2.1         | 0.7        | 0.7        | 0.6        | 0.4         | -0.1        | 0.2        |
| United Kingdom    | Tahunan           | -7.7        | 24.4        | 8.5         | 8.9        | 10.6       | 3.8        | 2.0         | 0.6         | 0.2        |
|                   | Pelarasan musim*  | -1.1        | 6.5         | 1.7         | 1.5        | 0.5        | 0.1        | -0.1        | 0.1         | 0.1        |
| Amerika Syarikat  | Tahunan           | 1.2         | 12.5        | 5.0         | 5.7        | 3.7        | 1.8        | 1.9         | 0.9         | 1.8        |
|                   | Pelarasan musim** | 6.3         | 7.0         | 2.7         | 7.0        | -1.6       | -0.6       | 3.2         | 2.6         | 2.0        |
| Jepun             | Tahunan           | -1.1        | 7.7         | 1.8         | 0.9        | 0.5        | 1.8        | 1.5         | 0.4         | 1.9        |
|                   | Pelarasan musim*  | -0.3        | 0.4         | -0.4        | 1.2        | -0.7       | 1.4        | -0.4        | 0.1         | 0.7        |
|                   | Pelarasan musim** | -1.1        | 1.8         | -1.6        | 5.0        | -2.7       | 5.6        | -1.5        | 0.4         | 2.7        |
| Republik Korea    | Tahunan           | 2.4         | 6.4         | 4.1         | 4.3        | 3.1        | 2.9        | 3.2         | 1.4         | 0.9        |
|                   | Pelarasan musim*  | 1.8         | 0.9         | 0.1         | 1.4        | 0.7        | 0.8        | 0.2         | -0.3        | 0.3        |
| Hong Kong         | Tahunan           | 8.2         | 7.6         | 5.5         | 4.7        | -3.9       | -1.2       | -4.6        | -4.1        | 2.9        |
|                   | Pelarasan musim*  | 6.8         | -2.3        | 0.7         | -0.5       | -1.8       | 0.1        | -2.5        | 0.0         | 5.4        |
| Taiwan            | Tahunan           | 9.3         | 7.9         | 4.1         | 5.2        | 3.9        | 3.0        | 3.6         | -0.8        | -2.9       |
|                   | Pelarasan musim*  | 2.5         | -2.0        | 0.9         | 3.9        | 1.0        | -2.3       | 0.9         | -0.5        | -0.6       |
|                   | Pelarasan musim** | 10.2        | -7.6        | 3.6         | 16.5       | 3.9        | -8.9       | 3.6         | -1.9        | -2.4       |
| Singapura         | Tahunan           | 3.9         | 17.3        | 8.7         | 6.6        | 4.0        | 4.5        | 4.0         | 2.1         | 0.4        |
|                   | Pelarasan musim*  | 4.1         | -0.7        | 1.2         | 1.9        | 1.4        | -0.1       | 0.8         | 0.1         | -0.4       |
| China             | Tahunan           | 18.7        | 8.3         | 5.2         | 4.3        | 4.8        | 0.4        | 3.9         | 2.9         | 4.5        |
|                   | Pelarasan musim*  | 0.5         | 1.3         | 0.7         | 1.6        | 1.0        | -1.9       | 3.2         | 0.5         | 2.2        |
| Thailand          | Tahunan           | -2.5        | 7.7         | -0.2        | 1.9        | 2.2        | 2.5        | 4.6         | 1.4         | 2.7        |
|                   | Pelarasan musim*  | 0.2         | 0.6         | -1.2        | 2.2        | 0.5        | 1.0        | 0.8         | -1.1        | 1.9        |
| Filipina          | Tahunan           | -3.8        | 12.0        | 7.0         | 7.9        | 8.0        | 7.5        | 7.7         | 7.1         | 6.4        |
|                   | Pelarasan musim*  | 1.7         | 0.3         | 2.6         | 3.0        | 1.7        | 0.1        | 3.0         | 2.0         | 1.1        |
| Indonesia         | Tahunan           | -0.7        | 7.1         | 3.5         | 5.0        | 5.0        | 5.5        | 5.7         | 5.0         | 5.0        |
| Viet Nam          | Tahunan           | 4.7         | 6.6         | -6.0        | 5.2        | 5.1        | 7.8        | 13.7        | 5.9         | 3.3        |
| Malaysia          | Tahunan           | <b>-0.2</b> | <b>16.2</b> | <b>-4.2</b> | <b>3.6</b> | <b>4.8</b> | <b>8.8</b> | <b>14.1</b> | <b>7.1</b>  | <b>5.6</b> |
|                   | Pelarasan musim*  | <b>1.4</b>  | <b>-0.3</b> | <b>-2.7</b> | <b>5.1</b> | <b>2.4</b> | <b>4.1</b> | <b>2.2</b>  | <b>-1.7</b> | <b>0.9</b> |

Sumber: Laman sesawang Pejabat Statistik Negara (NSO) terpilih dan Laman sesawang Eurostat  
 Pelarasan musim\* = Data KDNK yang diselaras musim  
 Pelarasan musim\*\* = Kadar tahunan pelarasan musim



## PROSPEK EKONOMI MALAYSIA 2023

Berdasarkan intipati laporan Tinjauan Ekonomi & Fiskal dan Anggaran Hasil 2023 yang diterbitkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada tahun 2023, ekonomi Malaysia dijangka berkembang sederhana 4.5 peratus berbanding 8.7 peratus pada tahun 2022. Unjuran ini selari dengan unjuran prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia yang juga menganggarkan pertumbuhan sebanyak 4.5 peratus. Sementara itu, Bank Negara Malaysia (BNM) menerusi laporan Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2022 telah mengunjurkan ekonomi Malaysia berkembang antara 4.0 peratus hingga 5.0 peratus disokong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh walaupun berdepan cabaran yang meningkat berikutan pertumbuhan global yang semakin perlahan. Di peringkat global, IMF menjangkakan pertumbuhan ekonomi menyederhana sebanyak 3.0 peratus pada 2023 berbanding 3.5 peratus pada tahun sebelumnya akibat daripada kadar faedah dan inflasi yang lebih tinggi. Justeru itu, pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka berkembang sederhana ini turut dipengaruhi oleh momentum pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan.

Landskap ekonomi yang mencabar pada tahun 2023 turut digambarkan melalui Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Malaysia yang merekodkan pertumbuhan lebih perlahan iaitu 5.6 peratus pada suku tahun pertama 2023 berbanding 7.1 peratus pada suku tahun sebelumnya (Penerbitan KDNK Suku Tahunan, DOSM). Prestasi ekonomi suku tahun pertama 2023 ini disokong oleh permintaan domestik yang stabil dan pemulihan dalam pasaran buruh. Walaupun berdepan dengan situasi ekonomi yang mencabar, Laporan Survei Tenaga Buruh Malaysia Suku Tahun Pertama 2023 yang diterbitkan oleh Jabatan

Perangkaan Malaysia menunjukkan pasaran buruh terus berkembang dengan bilangan tenaga buruh merekodkan 16.6 juta orang meningkat 0.6 peratus tahun ke tahun. Seiring dengan itu, kadar penyertaan tenaga buruh juga naik 0.3 mata peratus kepada 69.8 peratus. Bilangan penduduk bekerja terus meningkat 0.8 peratus kepada 16.1 juta orang dengan nisbah guna tenaga kepada penduduk meningkat 0.3 peratus kepada 67.3 peratus. Bilangan penganggur berkurang sebanyak 13.6 ribu kepada 586.9 ribu orang (ST4 2022: 600.5 ribu orang), sekali gus mencatatkan kadar pengangguran 3.5 peratus.

Seiring dengan prospek pertumbuhan ekonomi yang perlahan, prestasi perdagangan barangan Malaysia turut menyederhana pada 2023. Jumlah dagangan Malaysia menyusut 2.0 peratus pada Mei 2023 dengan mencatatkan nilai RM223.8 bilion berbanding RM228.3 bilion pada bulan yang sama tahun sebelumnya. Nilai eksport dan import masing-masing turut berkurang 0.7 peratus kepada RM119.6 bilion dan 3.3 peratus kepada RM104.2 bilion. Lebihan dagangan mencatatkan pertumbuhan positif 21.4 peratus dengan nilai RM15.4 bilion pada Mei 2023 (Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Bulanan Mei 2023, DOSM).

Senario ekonomi negara yang mencabar ini turut digambarkan melalui indeks volumn perdagangan borong dan runcit yang mencatatkan pertumbuhan 9.5 peratus pada suku tahun pertama 2023 untuk mencapai 147.4 mata berbanding 9.9 peratus (146.9 mata) pada suku tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disumbangkan oleh Perdagangan runcit sebanyak 14.7 peratus, diikuti Kenderaan bermotor dan Perdagangan borong masing-masing berkembang 11.4 peratus dan 3.5 peratus.





Sementara itu, penunjuk ekonomi iaitu Indeks Pelopor (IP) Malaysia menyusut 1.1 peratus kepada 110.3 mata pada Mei 2023 berbanding 111.5 mata pada Mei 2022 (**Carta 1.24**). Melihat kepada trend yang digambarkan oleh penurunan kadar pertumbuhan IP terlicin pada Mei 2023 iaitu kekal mencatatkan arah aliran di bawah trend 100.0 mata menunjukkan bahawa prospek ekonomi Malaysia dijangka menggalakkan dalam masa terdekat namun perlu mengambil kira cabaran global yang semakin meningkat.

Walaupun ekonomi dijangka bertumbuh perlahan, Malaysia masih menjadi destinasi pilihan pelabur untuk melabur di negara ini. Sehubungan itu, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) melaporkan Malaysia berjaya menarik pelaburan yang diluluskan berjumlah RM71.4 bilion dalam sektor Utama, Pembuatan dan Perkhidmatan pada suku tahun pertama 2023. Pelaburan yang diluluskan ini membabitkan 1,265 projek yang mana Pelaburan Asing menyumbang sebanyak RM37.5 bilion mewakili 52.5 peratus daripada jumlah pelaburan yang diluluskan berbanding RM27.6 bilion tempoh yang sama pada tahun 2022. Menurut MIDA, sektor Perkhidmatan merupakan tarikan utama kepada pelaburan yang diluluskan iaitu sebanyak RM53.6 bilion, diikuti sektor Pembuatan (RM15.6 bilion) dan sektor utama (RM2.1 bilion) yang seterusnya menjana sebanyak 23,977 peluang pekerjaan. DOSM turut menerbitkan statistik Pelaburan Langsung Asing (FDI) di mana pada suku pertama tahun 2023, FDI merekodkan aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM12.0 bilion berbanding RM27.7 bilion pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Menyedari jangkakan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mencabar, kerajaan telah mengambil langkah proaktif dengan mengumumkan Belanjawan 2023 yang merupakan cerminan prinsip

kebertanggungjawaban dan sistem nilai luhur yang mampu mendepani cabaran ekonomi global. Justeru, sebanyak RM388.1 bilion diperuntukkan dalam Belanjawan 2023 dengan RM289.1 bilion untuk belanja mengurus dan RM99 bilion bagi belanja pembangunan. Belanjawan 2023 ini menumpukan kepada 12 ikhtiar, antaranya adalah meminimum beban sara hidup. Sehubungan itu, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM64 bilion untuk membantu kos sara hidup rakyat melalui kawalan harga barang, bantuan kewangan dan memberi perkhidmatan kepada rakyat. Antara bantuan kewangan yang disalurkan adalah Sumbangan Tunai Rahmah (STR) sehingga RM2,500 bergantung kepada bilangan anak bagi golongan B40 (berpendapatan kurang daripada RM2,500). Sumbangan tambahan sebanyak RM600 turut diberikan kepada isi rumah penerima STR termiskin mengikut data e-Kasih yang disalurkan dalam bentuk bakul makanan dan baucar barangan makanan asas bernilai RM600.

Selain itu, Belanjawan 2023 turut memberi fokus kepada perolehan pelaburan berimpak tinggi. Ini kerana, kerajaan telah meninjau dan mengenal pasti potensi besar Malaysia dalam sektor Elektrikal & elektronik (E&E) serta aeroangkasa. Oleh itu, kerajaan bercadang untuk melanjutkan galakan cukai kepada syarikat pengilangan yang memindahkan operasi ke Malaysia serta melanjutkan insentif cukai pendapatan dan elaun cukai pelaburan dalam bidang aeroangkasa bagi menggalakkan pengembangan kapasiti syarikat sedia ada dan menarik pelaburan daripada syarikat baharu. Pada masa sama, kerajaan terus komited untuk merencanakan kembali sektor pelancongan dengan peruntukan sebanyak RM250 juta bagi mempromosikan sektor pelancongan. Antaranya sejumlah RM115 juta diperuntukkan sebagai dana geran padanan untuk bekerjasama dengan industri pelancongan



dan kebudayaan. Geran padanan ini adalah untuk menggalakkan kembali aktiviti promosi pelancongan dan penganjuran acara besar seperti sukan antarabangsa dan kebudayaan. Geran ini juga turut digunakan untuk menggalakkan penerbangan carter bagi menarik pelancong dari pasaran baharu.

Bagi menstruktur semula ekonomi negara sebagai peneraju ekonomi Asia, Kerajaan telah memperkenalkan kerangka ekonomi baharu menerusi pelancaran "Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat" pada 27 Julai

2023. Kerangka ini bertujuan untuk meningkatkan pemacuan ekonomi, menggalakkan pelaburan dan memperkukuh industri tempatan supaya lebih inovatif dan berdaya saing serta mampu dilonjakkan ke pasaran global. Implikasinya, ia akan memberi limpahan hasil kepada rakyat untuk menikmati kehidupan yang lebih berkualiti. Ekonomi MADANI menetapkan tujuh penanda aras sebagai sasaran jangka sederhana yang mahu dicapai sebelum 10 tahun seperti pada


**Paparan 1.2.**

**Paparan 1.2** Tujuh penanda aras sasaran pencapaian ekonomi MADANI



Sumber : Slaid Majlis Peluncuran Ekonomi MADANI Memperkasa Rakyat

**Carta 1.24** Indeks Pelopor (2015=100) dan kitaran perniagaan (kawasan berlorek), Januari 1991 hingga Mei 2023





**Rencana 1:**  
**Assessing the Relationship between Malaysia's Economic Growth, Tourism Industry  
and Exchange Rate<sup>1</sup>**

Sayeeda Kamaruddin

National Accounts Statistics Division, Department of Statistics, Malaysia

**ABSTRACT**

Economic growth, tourism industry and exchange rate of a particular country are interrelated to some extent. In this study, we investigate the relationship, presence and direction (of a significant) causal relationship between the economic growth (measured by real Gross Domestic Product, GDP), the tourism industry (measured by tourist arrival) and exchange rate in Malaysia using annual time series data from 1972 to 2019. The Johansen Cointegration Test, Vector Autoregression (VAR) and Granger causality techniques are used in this study. The results of the Johansen Cointegration Test show that there is no long-term cointegration amongst the variables studied, implying the presence of a short-run relation between GDP, tourist arrivals, and the Malaysian exchange rate. Further analysis discovered that in the short-run, GDP at lag one, tourist arrival at lag one and exchange rate at lag one positively affects the GDP. Accordingly, the Granger causality test confirmed that GDP Granger cause exchange rate, while exchange rate doesn't Granger cause GDP. In addition, the study discovered a bidirectional causality between tourist arrival and exchange rate in Malaysia.

**Keywords:** Causal relationship; exchange rate; Gross Domestic Product; tourist arrival; VAR

## 1.0 Introduction

Tourism is one of Malaysia's largest and fastest-growing industries, which contributes to the country's economic growth and employment opportunities. In 2019, Malaysia received 26.1 million inbound tourist arrivals. In terms of its value added, the Gross Value Added of Tourism Industries (GVATI) amounted to RM240.0 billion in 2019, contributing 15.9 per cent to GDP compared to 15.2 per cent in 2018. Meanwhile, tourism consumption, which comprises inbound tourism expenditure and domestic tourism expenditure, recorded RM182.1 billion, grew 6.8 per cent from 2018 (RM170.4 billion). The tourism industry employed 3.56 million persons in 2019, contributed 23.6 per cent to total employment (DOSM, 2022).

Exchange rate is also incorporated in the model having recognize it as a macroeconomic policy instruments for promoting sustainable economic growth and encouraging tourism flows as it serves as an essential factor influencing the decision of tourists regarding tourism destinations. For a country with a flexible exchange rate like Malaysia, the ringgit can periodically appreciate and depreciate. A depreciation in the ringgit hurts those who consume imported goods and services, and if sustained, can lead to a rise in the overall cost of living. At the same time, a weak ringgit could increase exporters' earnings. On the other hand, when the ringgit appreciates, it benefits those who import goods, services, and travel abroad, but hurts exporters and the domestic tourism industry (BNM, 2022).

---

<sup>1</sup> Rencana ini adalah pandangan penulis dan tidak mewakili pandangan dari Jabatan Perangkaan Malaysia.



Hence, the main objective of this paper is to investigate the relationship and causal relationships between economic growth, tourist arrival and the exchange rate of Malaysia. The remaining of this paper is organised as follows: Section 2 explains the literature review, while methodology is reported in section 3. Results and model consistency checking are presented in section 4 and 5, respectively. Finally, the last section presents the conclusion.

## 2.0 Literature Review

Numerous studies have been conducted to examine the causal relationship between the economic growth, tourism industry and exchange rate in a country, and the results have varied. Some studies suggest no causal relationship between the variables, others point to a unidirectional relationship, and some others indicate a bidirectional relationship between the variables.

Mahmoudinia, D, et al. (2011) investigated the long-run and causal relationship between tourism, measured by tourism receipts and economic growth in 17 Middle East, North Africa and South Asia (MENA) selected countries during 1995-2007. Using the panel cointegration technique, the results showed that in the MENA countries, there is bidirectional causality between tourism receipts and economic growth in the long and short run. In addition, they found a unidirectional causality between the exchange rate and economic growth and tourism receipts. Munir, Q., et al. (2015) also discovered a bidirectional causality between tourism and economic growth in their study of the tourism-led-growth hypothesis in Malaysia. The finding was in line with Wang L., Zhang H. and Li, W (2012), who discovered a bidirectional Granger causality between China's domestic tourism and economic growth, thus implies that the development of China's domestic tourism is the Granger cause of economic growth and that China's economic growth is the Granger cause of the development of domestic tourism as well.

Aras, O.N., et al. (2019), on the other hand, indicated that GDP, Tourism receipts and Export revenues have a long-term association and that there is a significant unidirectional relationship between tourism receipts and GDP in Cambodia. Furthermore, the study reveals that tourism policies and revenues have a greater impact on GDP than export policies and revenues. Kyara, V.C., Rahman, M.M., & Khanam, R. (2021) in their study using Tanzania's annual time series data on international tourism receipt, real Gross Domestic Product and real effective exchange rate, also confirmed a unidirectional causality from tourism development to economic growth to support their tourism-led-growth hypothesis. Suresh, J. and Senthilnathan, S.(2012) reveal the same findings that there is uni-directional causality between economic growth and tourism in their causal relationship study between economic growth and tourism earning in Sri Lanka during 1977-2012.

As for the relationship between economic growth and currency exchange rate, Olofsson, M (2019) concludes that exchange rate volatility does have a negative impact on economic growth for OECD countries. Regarding the causation between the exchange rate volatility and economic growth, the study finds that there is bidirectional granger causality between exchange rate and economic growth. Dikkaya, M and Doyar, V.V. (2017), on the other hand, found a unidirectional causalities run from exchange rate to GDP for Azerbaijan.



### 3.0 Methodology

#### Theoretical Model:

To achieve the objective of the study, we specify the following empirical model: GDP is the dependent variable while Tourist Arrival (TA) and Exchange rate (EXR) are the independent variables.

$$GDP_t = \alpha_0 + \alpha_1 TA_t + \alpha_2 EXR_t + \varepsilon_t \quad (1)$$

